

PEMBENTUKAN KERAKYATAN MALAYAN UNION 1946: REAKSI, ISU DAN TUNTUTAN BANGSA MELAYU

Nor Azlah Sham bt Rambely
Mohamed Ali Haniffa
Universiti Utara Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini akan bertumpu kepada reaksi, isu dan tuntutan bangsa Melayu terhadap pembentukan Malayan Union dan Rang Undang-Undang Kerakyatan Malayan Union 1946. Kesedaran bangsa Melayu terhadap syarat kerakyatan baru MU menghasilkan bantahan dan penentangan orang Melayu keseluruhan dari pelbagai peringkat untuk bangun menentang penubuhan MU dan syarat-syarat kerakyatan yang longgar bagi menjadi warganegara. Justeru kajian ini menumpukan kepada reaksi, isu dan tuntutan orang Melayu terhadap pembentukan kerakyatan Malayan Union (MU) pada tahun 1946. Isu dan pandangan orang Melayu akan dilihat dari perspektif pemimpin, persatuan Melayu, golongan Raja, akhbar-akhbar Melayu dan individu-individu tertentu menerusi proses pembentukan kerakyatan di Tanah Melayu.

Kata Kunci: *Malayan Union, orang Melayu, kerakyatan, reaksi, tuntutan*

PENGENALAN

Pembentukan Malayan Union (MU) dan Undang-undang Kerakyatan MU 1946 meletakkan seluruh rakyat yang ada di Tanah Melayu tanpa mengambil kira penduduk peribumi atau pendatang akan diiktiraf sebagai warga MU. Chai Hon-Chan menjelaskan,

The main objective of the Malayan Union was the establishment of a common citizenship which would eventually lead to a single nationality as the expression of a national identity cutting across the ethnic distinctions which separated the Malays from the non-Malays. However the combination of political rights with the economic power of the non-Malays, especially the Chinese, would have meant, to the Malays, Chinese domination (Chai Hon-Chan, 1977, hlm 10).

Ramlah pula menjelaskan, Kerakyatan juga akan dibuka kepada semua bangsa dan sesiapa sahaja yang lahir dan berminat untuk tinggal di MU. Ini termasuklah rakyat British dari serata jajahan takluknya (1988, hlm 55). Ini bermakna orang Melayu tidak lagi diiktiraf sebagai penduduk peribumi tetapi mempunyai sama taraf dengan pendatang Cina dan India, ditambah pula dengan kedudukan ekonomi orang Cina yang lebih baik berbanding orang Melayu. Dengan wujudnya MU masalah kerakyatan telah mula menjadi isu yang mencetuskan rasa tidak puas hati dalam kalangan pelbagai kaum di Tanah Melayu.

Sehubungan itu apabila kerakyatan MU diperkenalkan, orang Melayu merasakan kedudukan mereka sebagai peribumi tercabar. Usul tentang kerakyatan berdasarkan prinsip *jus soli* menimbulkan kemarahan orang Melayu. Jika kerakyatan MU yang dikenali dengan nama '*common citizenship*' diperkenalkan dan dilaksanakan di Tanah Melayu, orang Melayu merasa mereka akan ditenggelamkan oleh bangsa asing yang merupakan kaum

pendatang. Hal ini disebabkan orang Melayu menyadari orang bukan Melayu merupakan minoriti yang besar di Tanah Melayu. Ini dapat dilihat dalam perangkaan pada tahun 1947, orang bukan Melayu merupakan 49.2% dari keseluruhan penduduk Tanah Melayu. Pada tahun itu juga, orang Melayu hanya lebih 0.7% daripada jumlah orang bukan Melayu, iaitu 49.9%. Orang Melayu menyadari bahawa kedudukan mereka telah terancam. Syarat-syarat kerakyatan yang longgar membolehkan beribu-ribu orang asing mendapat kerakyatan Tanah Melayu dengan begitu mudah. Hal ini sememangnya tidak disenangi oleh orang Melayu yang merasakan Tanah Melayu adalah hak dan kepunyaan bangsa Melayu dan tidak boleh dikongsikan sebagai hak bersama dengan kaum lain. Tambahan pula orang Cina telah pun mempunyai kekuatan ekonomi yang kukuh atau lebih tepat lagi orang Cina telah menguasai ekonomi Tanah Melayu. Orang Melayu bimbang kuasa politik juga akan jatuh ke tangan golongan pendatang ini. Dengan menjadi warganegara, tidaklah sukar orang Cina untuk terlibat dalam bidang politik.

Kesedaran sekumpulan anak Melayu terhadap syarat kerakyatan baru MU menghasilkan bantahan dan penentangan orang Melayu untuk bangun menentang penubuhan MU dan syarat-syarat kerakyatan yang longgar untuk menjadi warganegara. Justeru artikel ini akan menumpukan kepada reaksi, isu dan tuntutan orang Melayu terhadap pembentukan kerakyatan Malayan Union (MU) pada tahun 1946. Isu dan pandangan orang Melayu akan dilihat dari perspektif pemimpin, persatuan Melayu, golongan Raja, akhbar-akhbar Melayu dan individu-individu tertentu menerusi proses pembentukan kerakyatan di Tanah Melayu.

Penglibatan politik dan kesedaran nasionalis orang Melayu ini yang membawa kepada timbulnya reaksi, isu dan tuntutan-tuntutan mereka berdasarkan hak kerakyatan bolehlah dikategorikan kepada empat isu dasar, iaitu (i) hak bangsa Melayu di negeri Melayu, (ii) status Negeri-negeri Melayu dan Raja Melayu sebagai negeri dan Raja yang berdaulat, (iii) diskriminasi terhadap orang Melayu dan (iv) kedudukan orang bukan Melayu sebagai pendatang.

REAKSI, ISU DAN TUNTUTAN BANGSA MELAYU TERHADAP KERAKYATAN MALAYAN UNION

Sebelum kerakyatan MU digubal oleh kerajaan British pada tahun 1943, mereka telah menerima memorandum tentang isu kerakyatan ini dari dua orang Melayu, iaitu Tengku Mahmud Mahyiddeen (TMM) dan Mohd Suffian Hashim. TMM adalah seorang kerabat diraja Kelantan yang menyatakan kerakyatan Malayan harus dibentuk di Tanah Melayu supaya semua orang yang dilahirkan dan menetap di Tanah Melayu serta meninggalkan nasionaliti asasnya layak mendapat kerakyatan Tanah Melayu. (C.M. Turnbull, 1974 dan Albert Lau, 1991).

(1) That all those "with love for the soil of the country". Viz. Malays, Portuguese Eurasians, Straits Chinese and local born Indians should be drawn together with a view to the development of a Malayan citizenship.

(2) that in order to aid the rapid development of such community of sentiment the existing States and Settlements should be abolished, the Rulers reduced to "a mere Upper House" and the numbers of Tengkus and Rajahs in Malaya reduced in numbers. This expresses perhaps in slightly different language essentially much the same as the conclusions we have reached ourselves upon the subject though we

give more weight to the opinion of the majority of his race than the Tengku appears to do himself (CO 825/42/55104/1/3B).

Memorandum yang kedua datangnya dari Mohd Suffian Hashim yang ketika itu bekerja di Bahagian Radio Melayu India. Dalam suratnya kepada Sir Richard Winstedt, pegawai 'Malayan Civil Service', beliau menyatakan,

The creation of Malayan Citizenship is of great interest and I think might help to solve the Chinese problem...It is interesting to note that Ceylon used to have an Indian problem and I am told that Ceylon solves their problem by having order and above British nationality something which may conveniently be called Ceylon citizenship... (Surat M.Suffian kepada R.O.Winstedt, 27 Februari 1943).

Apabila tersiernya berita mengenai Kertas Putih MU kepada umum, orang Melayu menerimanya dengan rasa terperanjat dan marah terutamanya dalam kalangan pejuang kebangsaan dan para wartawan. Akhbar *Majlis* menyiarkan berita pertama mengenainya pada 12 Oktober 1945, dua hari selepas pengumuman dibuat di London dan sehari selepas ketibaan Mac Michael. *Majlis* memberi reaksi pertamanya pada 13 Oktober 1945 dan ulasan seterusnya hampir setiap hari selepas itu. Pada mulanya kebanyakan orang Melayu, yang pada ketika itu masih sibuk untuk memulihkan kehidupan masing-masing selepas perang, mendapati cadangan MU terlalu jauh dari pemerhatian dan pemikiran mereka. Perkara seperti mendapatkan makanan yang cukup untuk keluarga, membina balik hidup yang hampir musnah akibat peperangan lebih mendapat keutamaan. Namun begitu mereka tidak dapat berdiam diri apabila mendengar berita yang menggemparkan tentang isu kerakyatan dan apabila diseru oleh pejuang kebangsaan untuk menentang MU.

Ketika ini akhbar Melayu telah memainkan peranan yang amat berkesan sekali. Melaluinya orang Melayu dapat mengetahui keadaan yang berlaku di tanah air pada masa itu. Tambahan pula, selain daripada radio yang terhad penggunaannya, tidak ada media lain yang boleh menyampaikan maklumat kepada orang ramai. Justeru orang Melayu dengan begitu pantas telah menggembelngkan tenaga untuk memberi sokongan kepada Raja-raja yang telah diperdaya dan dirampas kuasa. Orang Melayu merasa amat terkejut apabila diberitahu bahawa "kebudayaan dan identiti bangsanya" akan luput dengan adanya cadangan kerakyatan yang sama bagi kesemua kaum di negara ini. Istilah 'Melayu' tidak akan digunakan lagi tetapi digantikan dengan 'Malayan' (Zakiah Hanum, 1987).

Penentangan orang Melayu terhadap MU jelas dapat dilihat apabila pada 14 Disember 1945 kira-kira 30,000 orang Melayu Kelantan berhimpun penuh sesak di Padang Besar Kota Bharu dan mengadakan perarakan bagi menunjukkan bantahan mereka terhadap MU. Mereka membawa sepanduk-sepanduk kain yang bercogankata "Semenanjung Tanah Melayu Hak Orang Melayu", "Peliharalah Hak Kami", "Kami Tidak Rela Bangsa-bangsa Lain Diberi Hak dan kemudahan-kemudahan kepunyaan orang-orang Melayu", "Kembalikan hak kami", "Jahanamkan Malayan Union" dan "Kerajaan British pecah amanah". Seorang wakil pemuda Melayu Kelantan telah berucap, "Kami pohonkan keadilan Kerajaan British terhadap kaum Melayu dan hendaklah Kerajaan British sentiasa menjaga hak dan maslahat bangsa Melayu. Peliharalah hak-hak kami" (*Majlis*, 20 Disember 1945, hlm 6).

Kertas Putih Command 6724 yang meletakkan syarat kerakyatan Perlembagaan MU turut mendapat kecaman keseluruhan Raja Melayu kecuali Sultan Johor. Kesemua sultan melahirkan perasaan tidak puas hati terhadap kewujudan undang-undang kerakyatan MU. Tindakan Sultan Johor yang seolah-olah terkecuali ini telah melahirkan tindakbalas daripada kumpulan orang tertentu di Johor. Kumpulan ini cuba bertindak untuk menurunkan Sultan Johor dari takhtanya kerana menandatangani *Triti MU*. Kumpulan yang bertanggungjawab ini adalah terdiri daripada pembesar Johor dan mereka merupakan orang Melayu pertama yang mengesan implikasi MU sebaik sahaja Kertas Putih MU diumumkan. Kumpulan ini telah menubuhkan Kesatuan Melayu Johor dengan tujuan untuk bertindak di dalam hal-hal kepentingan kebangsaan tanpa menggunakan kekerasan. Tetapi rancangan ini tidak dilaksanakan kerana Dato Onn telah campur tangan (Zakiah Hanum, 1987). Dato Onn yang mengetuai mereka merupakan orang yang paling lantang menyuarakan penentangan terhadap rancangan MU.

Kesemua sultan memberikan pendapat mereka dengan melahirkan rasa tidak senang dengan pemberian hak kerakyatan ini. Kebanyakan Raja Melayu mengemukakan alasan bahawa pemberian kerakyatan ini akan menyebabkan Tanah Melayu dibanjiri oleh orang asing khususnya orang Cina (CO 537/1542).

Sultan Perak mengeluarkan pendapat bahawa kesetiaan sewaktu menjadi warganegara MU mestilah ditumpukan kepada Raja-raja Melayu sekiranya mereka tinggal di Negeri-negeri Melayu dan pada baginda King, jika mereka tinggal di Negeri Selat. Sultan Perak juga mahu setiap permohonan yang berdasarkan naturalisasi hendaklah diteliti. Sultan Perak juga melahirkan rasa bimbang kerana di Perak hanya terdapat 335,000 orang Melayu tetapi terdapat 450,000 orang Cina dan 200,000 orang India. Sultan Perak mengatakan, "*Unless there is adequate safeguard the grant of equal citizenship will eventually result in the extinction of Malay race, because they will be submerged by the aliens*" (CO 537/1542).

Sultan Perak juga berkata, orang India dan Cina yang mendapat hak kerakyatan di dalam MU ini adalah merupakan satu harta yang tak ternilai. Ini kerana mereka akan mendapat apa-apa keistimewaan tempatan tetapi tidak perlu mengubah hatinya terhadap kesetiaan pada negara asal mereka. Sultan Perak melahirkan rasa tidak puas hatinya tentang hal ini dan berharap agar pihak British menimbang hal ini dengan semasak-masaknya. Di samping itu Sultan Perak juga mahu kedatangan penghijrah disekat sehinggalah orang Melayu mencapai 75% dari jumlah penduduk Melayu. (CO 537/1542).

Sultan Kelantan pula mengkritik usul dari perenggan lima dalam Kertas Putih Command 6724 iaitu jika sekiranya Singapura tidak termasuk di dalam MU, mengapa penduduk di pulau itu layak menjadi warganegara MU. Justeru itu baginda mahu, orang Singapura yang mendapat hak kerakyatan MU itu tidak dibenarkan berkhidmat di dalam Jabatan Perkhidmatan Awam di negara MU dan tidak dibenarkan menduduki Majlis Mesyuarat Negeri dan Majlis Undangan Negeri. Baginda juga mempertikaikan mengapa mereka yang mendapat kerakyatan dari segi kelahiran tidak perlu mengangkat sumpah kesetiaan kepada MU? Selain daripada itu baginda mencadangkan kelayakan untuk mendapat kerakyatan di dalam MU hendaklah berdasarkan tempat lahir dan tempat tinggal, mempunyai milik persendirian, mengetahui bahasa Melayu sekurang-kurangnya darjah lima sekolah Melayu dan mesti menumpahkan kesetiaan kepada Raja Melayu. (CO 537/1542).

Namun kerajaan British tetap mengumumkan peristiwa penting yang bakal mengubah kedudukan pemerintah Melayu dan status orang Melayu di bumi Melayu ini. Pengumuman penting dibuat di Dewan Rakyat Parlimen British (*House of Commons*) pada awal Oktober 1945 oleh George Hall, (setiausaha kerajaan negeri jajahan - *Secretary of State for the colonies*) berkaitan pelan kerajaan British untuk penubuhan MU dan kerakyatan MU.

Our policy will call for the constitutional union of Malaya and for the institution of Malayan citizenship which will give equal citizenship rights to those who can claim Malaya to be their homeland. For these purpose, fresh agreements will need to be arranged with the Malay States Rulers.....

Sir Harold Mac Michael has, accordingly, been appointed to visit Malaya as Special Representative of His Majesty's Governments to arrange agreements with the Malay Rulers. When His Majesty possesses the jurisdiction, it is intended by an Order-in Council to constitute the Malayan Union.

There will also be created a Malayan Union citizenship, for which qualification will be birth in Malaya or a suitable period of residence.... They will be citizen of Malaya, with all the rights and obligations which that term implies. No one must rely upon past privilege or regard Malaya simply as a source of wealth (SP 18/8B/16 (Arkib Negara Malaysia).

Kertas Putih bertarikh 24 Januari 1946, seterusnya memberikan butiran terperinci tentang siapakah yang layak menjadi rakyat MU,

The policy of His majesty's Government is to promote a broad-based citizenship which will include, without discrimination of race or creed, all who can establish a claim, by reason of birth or a suitable period of residence, to belong to the country. It is proposed, therefore, to create by Order-in-Council a Malayan Union Citizenship. The following persons will acquire Malayan Union Citizenship:

(a) person born in the territory of the Union or of the Colony of Singapore

(b) person who at the date on which the Order-in-Council becomes operative have been ordinarily resident in those territories for ten years out of the preceding fifteen. (In calculating the fifteen years' period, the period of Japanese occupation will be disregarded). It will also be possible for persons to acquire Malayan citizenship after five years' ordinary residence in the Malayan Union or Singapore. British subjects who require Malayan Union citizenship will not thereby lose their British nationality.... (SP 18/8B/16 Arkib Negara Malaysia)

Pengumuman ini telah menggoncang minda orang Melayu di seluruh negeri-negeri Melayu buat pertama kalinya dan telah menimbulkan reaksi yang tidak terjangkakan oleh British. Dato Onn telah berjaya menggerakkan orang Melayu untuk bangun dan menentang satu isu yang melibatkan bangsa Melayu. Beliau menjelajah ke seluruh negara untuk memberi syarahan di rapat umum. Rapat umum ini dilaporkan sepenuhnya di dalam akhbar yang kadang kala menyiarkan ucapan beliau secara "verbatim". Beliau disambut dengan begitu hangat di mana jua beliau berucap. Apabila Kongres Melayu Se-Malaya diadakan pada 1 Mac 1946, Dato Onn sendiri menghubungi Sultan Johor di London untuk menyembah maklum mengenainya (Zakiah Hanum, 1987). Penubuhan Kongres ini adalah tanda pergabungan tenaga Melayu, Langkah pertama dengan pengumuman ini ialah penubuhan *United Malays' National Organization of Malaya* (UMNO). Melalui Kongres ini yang

kemudiannya mewujudkan UMNO, pembantahan terhadap MU disalurkan secara rasmi dan tindakan yang bersepadu dan tersusun telah dijalankan.

Dato' Onn Jaffar, selaku presiden UMNO, dalam perbincangan Cadangan Kerakyatan Perlembagaan MU menyatakan,

Fruitless to invite views till main problem raised by annexation of the country by the British has been settled. "The question of citizenship is one that does not cause the Malays any anxiety". The freedom with which people of alien birth are to be admitted to citizenship causes the greatest concern (SP 18/8B/16 - Arkib Negara Malaysia, hlm 3).

Sebagai satu penentangan terhadap kewujudan Perlembagaan MU dan kerakyatan MU, UMNO telah menghantar satu memorandum kepada kerajaan British. Dalam memorandum ini UMNO dengan jelasnya mengkritik kewujudan kerakyatan MU. Menurut UMNO,

...the plans envisaged in the first announcement last October and now detailed in this White Paper are of vital importance to the Malays of the Malay States in the Peninsular, as the change involved affects their natural rights and privileges and their future political status as the real natives of the country (SP 18/8B/16-Arkib Negara Malaysia, hlm 3).

UMNO turut menjelaskan bahawa kewujudan perlembagaan yang baru ini adalah yang terburuk kepada masa depan Negeri-negeri Melayu, Raja-raja Melayu dan orang Melayu di negeri ini (SP 18/8B/16 - Arkib Negara Malaysia).

Selain UMNO, Pertubuhan Melayu secara keseluruhannya turut membangun bersama-sama bagi menentang penubuhan MU. Kesepakatan penentangan keseluruhan orang Melayu terhadap Perlembagaan MU jelas terbukti apabila satu laporan rasmi Usulan Kerakyatan MU dibentangkan oleh H.E. Gobenor MU pada 18 April 1946, dan British meminta pandangan daripada orang perseorangan dan organisasi politik. Orang Melayu sebulat suara memprotes dalam memberikan pandangan dan perbincangan untuk membaiki usulan tersebut. Kepada mereka selagi kuasa dan hak Raja tidak dikembalikan, maka segala perbincangan tentang usulan kerakyatan dalam Perlembagaan MU tidak akan diendahkan.

Justeru itu tindakan ini sebulat suara disetujui oleh Persatuan Melayu Perlis, Kesatuan Belia Semenanjung, Malayan Union Penang Branch, Pergerakan Kebangsaan Melayu Selangor, Presiden *the Malay Matrons' Association Selangor*, Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan, *Malay Chamber Kuala Lumpur*, Kesatuan Melayu Sabak Bernam, Persatuan Melayu Kelantan, *Muslim Peoples Association Selangor*, dan Persatuan Melayu Kedah. Kebanyakan persatuan ini menganggap oleh kerana kuasa Raja Melayu telah dirampas oleh British, maka mereka enggan mengulas dengan lebih lanjut tentang hal ini. Mereka akan hanya membincangkan soal kerakyatan sekiranya hak orang Melayu dan Raja Melayu dikembalikan. Ada juga yang mengatakan oleh kerana MU ditentang oleh orang Melayu, maka sekaligus juga syarat kerakyatan juga ditentang (P/PN 1/33 Arkib Negara Malaysia).

Dato Onn selaku Presiden UMNO menegaskan bahawa persoalan kerakyatan bukanlah yang menyebabkan orang Melayu marah sebaliknya kebebasan untuk orang asing diberikan taraf kerakyatanlah yang amat membimbangkan orang Melayu. Manakala Persatuan Melayu Pahang, Wataniah Pahang dan Darul Ihsan Club, Jeram, menyokong usulan Dato' Onn (P/PN 1/33 Arkib Negara Malaysia).

Selain pertubuhan Melayu di atas, Parti Kebangsaan Melayu Malaya, PKMM (*The Malay Nationalist Party*), iaitu parti Melayu yang agak radikal pada waktu itu turut menyuarakan pandangan mereka terhadap kewujudan kerakyatan MU. Pandangan PKMM merupakan satu pandangan yang panjang lebar dan agak bernas berbanding pandangan persatuan Melayu yang lain dan PKMM telah memberikan kritikan meliputi beberapa perkara. Pertamanya PKMM mengkehendaki seseorang yang mendapat kerakyatan MU di bawah para 23 (a), (b), (c), (d), perlu mempunyai pengetahuan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Ini bermakna mereka perlu tahu membaca dan menulis dalam kedua-dua bahasa tersebut (P/PN 1/33 Arkib Negara Malaysia).

PKMM juga mahukan kelayakan mengikut tempat lahir tidak seharusnya disempitkan kepada MU dan Singapura sahaja tetapi hendaklah meliputi setiap orang yang dilahirkan di gugusan Pulau-pulau Melayu dengan syarat mereka mempunyai kelayakan bahasa iaitu sama ada Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris. PKMM juga menjelaskan akan bersetuju dengan Perkara 24 (b) dalam Kertas Putih Command 6749 sekiranya kelayakan bahasa dipinda dengan cara mensyaratkan bahawa orang bukan Melayu harus mempunyai pengetahuan asas dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Selain itu PKMM juga bertanya adakah orang-orang Melayu yang menjadi warganegara MU akan hilang "nasionaliti Melayunya" dan jika ini benar berlaku maka PKMM menolak keseluruhan cadangan skema ini. PKMM juga menyatakan dengan merujuk Perkara 23 (b) Kertas Putih Command 6749 ini, rakyat peribumi Melayu tidak seharusnya diminta mengangkat sumpah kepada kerajaan MU memandangkan telah jelas bahawa kerajaan MU adalah asalnya merupakan kerajaan mereka dan tanah air bagi orang Melayu (P/PN 1/33 Arkib Negara Malaysia).

Sebelum perlembagaan MU digubal, Persatuan pelajar Melayu Britian juga ada menghantar memorandum pada tarikh 25 April 1945 yang menyentuh tentang pemberian hak kerakyatan menerusi prinsip *Jus Soli*. Memorandum ini meminta supaya hak kerakyatan di Tanah Melayu tidak mengikut prinsip *Jus Soli* (*Negara Kita*, 1980). Walau bagaimanapun permintaan pelajar Melayu ini tidak mendapat sambutan dan layanan daripada kerajaan British. Kertas Putih Command 6724 yang dikeluarkan pada 22 Januari 1946 tetap menggunakan prinsip *Jus Soli* dalam bidang kerakyatan.

Penentangan terhadap skema MU juga bukan hanya menjurus kepada inti pati dalam perlembagaan MU itu sahaja, tetapi sebaliknya penentangan juga dilakukan atas kesahihan secara perundangan berhubung perjanjian yang ditandatangani antara Raja Melayu dan Mac Michael. Sultan Kedah iaitu Sultan Badlishah dengan lantangnya menyuarakan ketidakpuasan hatinya terhadap cara tandatangan diperoleh dan bagaimana pandangannya yang tidak bersetuju dengan perjanjian ini diketepikan,

He asked me if I understood the full implication of the word "duress" used in my cablegram to the S of S;

he said it meant the use of force.

I replied that was what I meant to convey.

He said it was violent.

I replied that it only reflected the action of the Special Representative of the British Govt. He said the cablegram should go through the proper channel.

I asked him if there was anything in the existing treaty which forbade me from corresponding direct with the S of S.

He said it was a matter of courtesy.

I told him that I already sent him a copy for his information.

He said I repudiated my signature.

I replied that my signature was obtained not with my goodwill but under threat to use force and that I already protested before signing; perhaps the matter was not reported to the S of S.

He said if I had a conscientious objection to signing the New Agreement I should not have done so or having signed it. Should have lodged a protest immediately. Why did I wait for nearly two months, he asked.

I replied that if I was not accepted as Sultan my protest would be valueless as the British Govt would not deal with me. And in case someone else was appointed Sultan, he, having pocketed the prize, might not struggle for the State. I waited because I thought that the Special Representative of the British Govt acted under instructions from the S of S and now I knew that he was not authorised to deal with us in such a brutal manner.

He asked me having sent my cablegram to the S of S, what did I expect him to do. "To wait? Or to tear up the agreement!"

*I told him that I wanted the S of S to know the truth. (S10 Arkib Negara Kuala Lumpur: *Stray letters relating Malayan Union Sultan Badlishah's letters*, hlm 4-12).*

Seterusnya menurut Mohd Safar Hasim, akhbar Melayu khususnya *Utusan Melayu* (pada ketika itu diterbitkan di Singapura), *Majlis* (diterbitkan di Kuala Lumpur), dan *Warta Negara* (diterbitkan di Pulau Pinang) turut menjadi peneraju utama menggembleng dan menyedarkan orang Melayu mengenai gagasan MU. Ketiga-tiga akhbar tersebut cepat sedar mengenai tujuan sebenar MU ditubuhkan, iaitu untuk menjajah secara rasmi dan secara sah Negeri-negeri Melayu, yang mengubah kedudukannya dari sekadar sebuah *Protectorate* (pelindung) kepada koloni Diraja British. Akhbar itu menunjukkan perkara yang bakal menimpa orang Melayu jika MU menjadi realiti. Akhbar Melayu berjaya menyatupadukan pendapat umum orang Melayu di Negeri-negeri Melayu dan NNS untuk menentang dasar tersebut (Mohd Safar Hasim).

Namun perlu diingat penentangan akhbar Melayu ini bukanlah bermula dari penentangan terhadap MU. Sebaliknya akhbar Melayu telah memainkan peranan penting dalam isu kerakyatan berdasarkan perubahan penting yang telah berlaku dalam konsesi populasi masyarakat di Tanah Melayu sewaktu tahun-tahun awal ekonomi Tanah Melayu dikuasai oleh orang bukan Melayu dan Tanah Melayu dipenuhi dengan orang bukan Melayu. Hal ini disebabkan dengan kewujudan ramai orang bukan Melayu, tuntutan terhadap isu kerakyatan mula diketengahkan.

Reaksi awal daripada akhbar tempatan tentang pengumuman skema MU menunjukkan cadangan skema ini bakal bermasalah. *Utusan Melayu* mengeluarkan tajuk yang besar,

“Malaya akan disatukan Perlembagaan. Singapura akan diasingkan daripada tanah besar Semenanjung. Perjanjian baru akan diikat dengan Raja-raja Melayu” (Mohd Safar Hasim).

Seterusnya pada 12 Oktober 1945, *Utusan Melayu* terus mengulas berita tersebut, mengingatkan Raja Melayu supaya berwaspada dan jangan terburu-buru menerima cadangan tersebut. Rencana pengarang itu menasihatkan Raja Melayu supaya mengeneppikan muslihat diri supaya rakyat tidak menderita.

Rencana pengarang *Utusan Melayu*, 12 Oktober 1945 antara lainnya menyatakan;

Oleh sebab itu diharap dengan ikhlasnya yang pihak Sultan akan menimbang hal itu dengan halus pada segala tentangnya, kerana apabila bersetuju sahaja dengan cadangan-cadangan itu maka nasib rakyatnya yang banyak itu bergantung kepadanya. Memikirkan muslihat diri, sekalipun diri Dulu Yang Maha Mulia, mestilah diketepikan dahulu supaya rakyatnya tidak akan menderita oleh kesalahan yang boleh dan harus dielak dari mulanya (Utusan Melayu, 12 Oktober 1945, hlm 4)

Seterusnya *Utusan Melayu* bertarikh 16 Oktober 1945 menyatakan “*at the moment our future is in danger. The new plan is a big question mark that will affect us and our grandchildren*”(hlm 4).

Pengumuman kerakyatan Kertas Putih Command 6724 telah mendapat maklum balas dari akhbar *Seruan Rakyat*. Akhbar ini menyatakan, “Kerajaan British sepatutnya menyedari bahawa dengan memberi kerakyatan kepada semua orang yang tinggal di Malayan Union adalah satu perkara yang tidak adil bagi kedudukan orang Melayu sebagai bumiputera dan tinggal menetap di Tanah Melayu” (*Seruan Rakyat*, 25 Januari 1946, hlm 1).

Dalam bulan Mac 1949, aktiviti yang dilaksanakan oleh Community Liaison Committee (CLC) sebagai satu kewajipan untuk membantu Persekutuan Tanah Melayu dengan membantu bangsa Melayu mendapat tentangan dari akhbar *Majlis*. Tindakan akhbar *Majlis* walaupun tidak mewakili keseluruhan orang Melayu tetap membimbangkan golongan pendatang Cina.

The tone of ‘Majlis’ continued to be hostile. This paper wondered what would be the consequences of the MCA and suggested that if the non-Malays really wished to change their colours they should learn Malay and send their children to Malay schools rather than build their hopes on the MCA. This paper also called for more support for UMNO in view of the growth of MCA (CO 717/182).

Terdapat juga beberapa orang perseorangan yang bertindak memberi komen terhadap usulan kerakyatan MU sebagai penentangan terhadap Perlembagaan MU. Antaranya Inche Sa’adon bin Haji Zubir, Peguam Melayu di Singapura, “*questioned the ‘vagueness’ of the proposed citizenship scheme, and wondered how the British government could begin to solve the problem of joint citizenship (P/PN 1/33)*. Selain itu surat daripada Lob Ahmad bertajuk “Kesatuan Kerajaan Negeri-negeri Melayu, menyeru orang Melayu bersatu di dalam menghadapi perubahan baru kerajaan”. Begitu juga surat daripada Abd. Kadir bertajuk “Kesatuan Malaya bagi bangsa Melayu”. Surat ini menyuarakan tentang masa

depan bangsa Melayu dengan adanya cadangan kerakyatan yang sama bagi bangsa asing. Juga mempersoalkan taraf Raja-raja Melayu di belakang hari nanti (P/PN 1/33).

Pendapat G.N. Yunus dari Kuala Terengganu menyatakan,
orang asing yang menjadi rakyat MU apabila didapati bersalah di negara MU boleh melarikan diri ke negara asal tetapi orang-orang Melayu atau Serani yang memperoleh kerakyatan MU tidak ada tempat melarikan diri selain dari menerima hukuman (P/PN 1/33).

Namun perlu diingat bahawa terdapat juga Pertubuhan Melayu Berhaluan Kiri yang menyokong konsep 'union' dalam MU. Antaranya ialah Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM). Pada amnya PKMM menyokong konsep 'union' MU yang dianggapnya radikal dan bersifat republik. Dalam pada itu PKMM juga menuntut kemerdekaan dan Dewan Perwakilan yang dipilih. Bagi menggerakkan propaganda, parti ini menerbitkan akhbar *Pelita Malaya* dan *Suluh Malaya*. Terdapat juga cawangan PKMM yang tidak bersetuju dengan garis perjuangan parti dan menganggap keputusan kongres di Ipoh dipengaruhi oleh anasir komunis (Mohd Isa Othman, 2002).

PKMM sebenarnya telah menerima MU lebih awal, iaitu pada bulan November tahun 1945, sedangkan pada masa itu, berita tentang MU agak kelam, iaitu orang ramai masih belum mengetahuinya. Pengisytiharan rancangan itu hanya dibuat pada bulan Januari tahun 1946 oleh kerajaan British. Bagi Ahmad Boestamam, MU mesti disokong untuk "menangkap saat sejarah", seperti yang dilakukan oleh Sukarno dalam mengisytiharkan kemerdekaan Indonesia, sebaik-baik sahaja Jepun menyerah kalah pada 17 Ogos 1945. Keduanya, MU disokong kerana dasar negara kesatuan. Dalam sebuah negara kesatuan, tidak ada sempadan politik secara tegas, kerana negeri itu dianggap sebagai wilayah atau daerah yang besar, yang terletak di bawah satu ketua pemerintah eksekutif, iaitu Gabenor MU. Bentuk persekutuan atau gabungan yang diperkenalkan oleh kerajaan British yang mengiktiraf kuasa tertentu negeri Melayu sejak tahun 1986 akan dihapuskan. Ini bermakna bahawa Raja-raja Melayu yang selama ini menjadi ketua negeri tersebut akan hapus kedudukan mereka. Dengan kata lain, kerajaan British mahu melahirkan Tanah Melayu sebagai sebuah unit politik sahaja (Ramlah Adam, 1994).

Menurut Ramlah Adam (1994), ini bertepatan dengan dasar PKMM yang tidak menyukai golongan bangsawan termasuk golongan raja adalah selari dengan matlamat MU. Katanya, "mereka itu sentiasa terpengaruh dengan orang-orang yang di atasnya dan lazimnya orang di atas itu mengaku ia bayangan Tuhan, Khalifah dan penaung negara Islam". Ahmad Boestamam mahu melihat satu bentuk kerajaan yang demokratik melalui kerajaan yang dipilih oleh rakyat akan terlaksana seperti yang dijanjikan MU. Ahmad Boestamam juga bersetuju dengan kerakyatan *jus soli* MU yang diberikan kepada sesiapa sahaja yang lahir di Tanah Melayu, Singapura dan negara-negara Komanwel yang lain. Alasannya ialah kerana "Indonesia mengakui hak kerakyatan kepada bangsa-bangsa yang bukan Melayu..." (Ramlah Adam, 1994, hlm 103).

KESIMPULAN

Reaksi, isu dan tuntutan bangsa Melayu adalah bertolak kepada isu kerakyatan yang dimulakan oleh kerajaan British dengan pembentukan MU. Kepada orang-orang Melayu,

mereka adalah rakyat tanah ini (*sons of the soil*) dan orang bukan Melayu adalah pendatang dari luar yang kemudiannya menetap di sini. Sehubungan itu persoalan kerakyatan dan bagaimana bentuk kerakyatan di Tanah Melayu telah menjadi satu isu dan tuntutan yang berterusan. Orang-orang Melayu di setiap peringkat atasan dan bawahan berterusan menyatakan dan memaparkan sikap mereka yang tidak bersetuju langsung dengan perubahan pentadbiran British ke atas mereka sehingga akhirnya reaksi, isu dan tuntutan mereka berjaya menggagalkan pembentukan MU.

Ringkasnya reaksi, isu dan tuntutan orang Melayu yang dihasilkan melalui tindakan penentangan secara beramai-ramai terhadap perlembagaan MU jelas menunjukkan bahawa orang Melayu tidak akan sekali-kali membenarkan tanah tumpah darahnya dirampas begitu sahaja. Perjuangan orang Melayu mempertahankan hak mereka berterusan sehinggalah tercapainya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948 dan kemudiannya pembentukan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka pada tahun 1957.

RUJUKAN

- Albert Lau. 1991. *The Malayan Union Controversy 1942-1948*. Singapore: Oxford University Press.
- C.M. Turnbull, 'British Planning for Post War Malaya', *Journal of Southeast Asian Studies*, Jilid 5, Bil 2, September 1974.
- Chai Hon-Chan. 1977. *Education and nation-building in plural societies: The West Malaysian experience*. Canberra: The Australian National University. Monograph no. 6.
- CO 537/1542. *Supplementary note on Malayan Union Citizenship*. Views submitted by the Malay Rulers.
- CO 717/182 *Political Developments: Review of Chinese Affairs*. *Majlis*, 20 Disember 1945.
- Mohd Isa Othman. 2002. *Sejarah Malaysia (1800-1963)*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Mohd Safar Hasim. "Peranan akhbar Melayu dalam perjuangan kemerdekaan" dalam *Kumpulan Kertas Kerja Seminar 60 Tahun Penubuhan Malaysia*, Arkib Negara Malaysia.
- Negara Kita. 1980. *Sejarah Pentadbiran dan Dasar Pembangunan Negara*, Kuala Lumpur: Intan.
- P/PN 1/33 Arkib Negara Malaysia. *Official statement on the Malayan Union Citizenship Proposals issued by H.E. the Governor, Malayan Union, on 18th April 1946. Summary of views on the proposals received from persons, organizations and other sources*.
- P/PN 1/33. *Official Statement on the Malayan Union Citizenship Proposals issued by H.E. The Governor, Malayan Union, on 18th April, 1946. Summary of Views on the Proposals Received from persons, organizations and other sources*, hlm 3-12.
- PRO-CO 825/42/55104/1/3B *Future Policy Far East, Miscellaneous Representations'* Tengku Mahyideens.
- Ramlah Adam. 1994. *Ahmad Boestamam Satu Biografi Politik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramlah Adam. 1998. *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

S10 Arkib Negara Kuala Lumpur. *Stray letters relating Malayan Union Sultan Badlishah's letters.*

Seruan Rakyat. 25 Januari 1946.

SP 18/8B/16 (Arkib Negara Malaysia), *Memorandum to the British Government in London on the new agreements, Malayan Union and Malayan Citizenship from the United Malays' National Organization Malaya.*

Surat M.Suffian kepada R.O.Winstedt. 27 Februari 1943.

Utusan Melayu. 12 Oktober 1945.

Utusan Melayu. 16 Oktober. 1945.

Zakiah Hanum. 1987. *Tercabarnya maruah bangsa: Satu himpunan pemikiran wartawan akhbar Majlis 1945-1948*, Petaling Jaya: Penerbitan Lajmeidakh Sdn Bhd.